

Susunan Perkataan Berdasarkan Cerita Rakyat Masyarakat Iban: Analisis Program Minimalis

by Doratya Gerry

Submission date: 03-Jan-2024 12:21AM (UTC-0500)

Submission ID: 2266324479

File name: an_Cerita_Rakyat_Masyarakat_Iban_Analisis_Program_Minimalis.docx (184.11K)

Word count: 6482

Character count: 39338

Susunan Perkataan Berdasarkan Cerita Rakyat Masyarakat Iban: Analisis Program Minimalis

ABSTRAK

Bagi masyarakat Iban cerita rakyat merupakan satu genre sastera yang dimiliki sejak turun-temurun. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat dijadikan sebagai satu hiburan kepada masyarakat Iban. Kebanyakan para pengkaji lepas gemar meneliti cerita rakyat dari pelbagai aspek. Misalnya, dari aspek peluasan kosa kata, pengimbuhan kata, unsur seni bahasa nilai pengajaran dan sebagainya. Namun begitu, penelitian terhadap binaan ayat kurang ditekankan dari aspek susunan perkataan dalam cerita rakyat masyarakat Iban. Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti susunan perkataan dalam binaan ayat dan menganalisis struktur binaan ayat berdasarkan cerita rakyat masyarakat Iban menggunakan Program Minimalis. Pemerolehan data kajian berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan di bahagian Sri Aman, Sarawak. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah rakaman dan transkripsi data. Data diperoleh melalui kaedah bercerita dan temu bual daripada penutur natif Iban. Analisis kajian menunjukkan bahawa struktur bahasa Iban mempunyai binaan Subjek-Kata kerja-Objek (SKO), Objek-Kata kerja-Subjek (OKS) dan binaan Kata kerja-Objek-Subjek (KOS). Kajian ini telah menunjukkan satu penemuan, iaitu bahasa Iban mempunyai kala lepas, penyerapan dan novelti dalam binaan ayat pada susunan perkataan. Dengan itu, kajian ini dapat menyumbang kepada penjelasan teoritikal bagi susunan perkataan dalam struktur binaan ayat bahasa Iban dari sudut pandang Minimalis.

Kata kunci: susunan perkataan, binaan ayat, cerita rakyat, masyarakat Iban, Program Minimalis

Word Order Based on Iban Folklore: An Analysis of the Minimalist Programme

ABSTRACT

Folklore is a literary genre that has been passed down through centuries and is particularly cherished by the Iban community. The reason for this is that the Iban community uses folklore as a kind of entertainment. The majority of previous academics have shown a preference for analysing folklore from many perspectives. For instance, in terms of enhancing one's vocabulary, incorporating new words, parts of language arts, instructional worth, and similar aspects. Nevertheless, the focus on sentence building in Iban folk stories is not as prominent as

the emphasis on word order. The objective of this study is to determine the word order in sentence building and evaluate the structure of sentence construction in the folklore of the Iban community, employing the Minimalist Programme. Gathering of empirical data from field research was carried out in Sri Aman, Sarawak. The methodology employed in this study is the technique of data recording and transcription. The data was acquired via the method of oral tradition and interviews conducted with native Iban speakers. The research analysis reveals that the Iban language exhibits four different sentence structures: Subject-Verb-Object (SVO), Object-Verb-Subject (OVS), and Verb-Object-Subject (VOS). This study has discovered novel evidence indicating the existence of past tenses, absorption and novelty in the Iban language. Thus, from a minimalist perspective, this study can add to the theoretical explanation of word order in the Iban sentence structure.

Keywords: *word order, sentence structure, folklore, Iban community, Minimalist Program*

PENGENALAN

Masyarakat Iban merupakan kaum majoriti di Sarawak. Bahasa Iban digunakan sebagai alat komunikasi dalam pergaulan seharian antara penutur natif Iban dengan kaum lain terutama dalam aktiviti sosial. Mohammed Azlan (2010) menyatakan bahawa bahasa Iban dijadikan sebagai bahasa perhubungan yang dimiliki bersama, dapat difahami, kerap digunakan dalam kehidupan seharian dan tidak menimbulkan isu terhadap hubungan antara masyarakat di Sarawak. Hal ini dapat menunjukkan bahawa masyarakat Iban mampu menyebarkan budaya mereka melalui bahasa, pergaulan, adat dan kepercayaan. Menurut Nazirah dan Idris (2021) budaya ialah satu cara hidup yang diwarisi oleh satu keturunan kepada keturunan lain. Oleh itu, bagi masyarakat Iban budaya perlu diwarisi secara turun-temurun.

Noria dan Gregory (2021) menyatakan bahawa budaya yang diwarisi dalam masyarakat Iban telah wujud sejak ratusan tahun yang dicipta oleh nenek moyang mereka. Budaya tersebut dikongsi oleh orang ramai demi membentuk jati diri sebagai orang Iban. Orang Iban percaya bahawa budaya yang mereka amalkan hari ini adalah anugerah Tuhan yang disebut sebagai *Petara*. Berdasarkan tradisi lisan Iban, orang Iban dan masyarakat *Petara* tinggal bersama di sebuah tempat bernama Tembawai Tampun Juah. Menurut Gregory (2021) masyarakat Iban percaya bahawa nenek moyang pernah hidup aman dan damai bersama Orang *Panggau* (orang kayangan) dan *Petara*. Hubungan antara Iban dan *Petara* adalah sementara atas faktor konflik antara satu sama lain kerana manusia melanggar adat. Kesan daripada perpisahan ini telah membawa penghijrahan awal masyarakat Iban ke seluruh pelusuk negeri Sarawak sehingga dapat membentuk kebudayaan dan identiti tersendiri melalui tradisi lisan. Tradisi lisan juga dikaitkan dengan bahasa lisan. Menurut Fazal et al. (2011) bahasa lisan merupakan bahasa pertuturan seharian seseorang. Oleh itu, tradisi lisan menjadi intipati dan identiti masyarakat Iban sehingga kini.

Salah satu bentuk tradisi lisan masyarakat Iban ialah cerita rakyat. Menurut Matius (2021) perkembangan cerita rakyat dalam kalangan masyarakat diturunkan dari generasi ke generasi tanpa mengetahui pengarang atau pencipta asal cerita itu. Chemaline (2019) pernah menyatakan bahawa cerita rakyat Iban lebih menjurus kepada cerita keturunan, msialnya Kisah Bujang Senang, Aki Lang Sengalang Burung, Telichu dan Telichai, dan banyak lagi. Hal ini menunjukkan bahawa cerita rakyat Iban menjadi turun temurun sebagai hiburan, pengajaran dan pesanan. Hampir kesemua cerita rakyat Iban dikupas dan diteroka dari aspek nilai dan pengajaran, pengimbuhan, kosa kata, gaya bahasa serta unsur seni bahasa. Namun, penelitian terhadap binaan ayat dalam cerita rakyat masyarakat Iban perlu diberi perhatian terutama dalam bidang sintaksis dari aspek susunan perkataan. Tambahan lagi, cerita rakyat dapat disampaikan melalui cara berkomunikasi. Menurut Rusydiah dan Maslida (2023) dalam berkomunikasi kita

tidak terbatas ataupun terhad untuk menggunakan struktur ayat-ayat berbentuk mudah sahaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis susunan perkataan dalam binaan ayat berdasarkan cerita rakyat masyarakat Iban.

KOSA ILMU

KAJIAN CERITA RAKYAT MASYARAKAT IBAN

Penelitian terhadap kajian lepas telah dijalankan bagi melihat kelompongan kajian sebelum meneruskan kajian ini. Tujuan penelitian ini dilakukan bagi mengelakkan berlakunya pertindihan aspek kajian dengan kajian lepas. Menerusi penelitian kebanyakan para pengkaji lebih berminat mengupas nilai pengajaran, jati diri, unsur seni bahasa, pengimbuhan, kosa kata dan pelbagai aspek lain yang terkandung di dalam cerita rakyat seperti yang dikupas oleh Dwilestari (2018) menunjukkan nilai budaya dalam cerita rakyat *Kumang- Keling*. Aspek nilai budaya yang diteliti dalam kajian ini berdasarkan hubungan sosial seperti sikap tolong-menolong, gotong-royong dan kasih sayang antara manusia. Walaupun kajian ini hanya menjurus kepada aspek nilai budaya, namun kajian Dwilestari dapat dilihat sebagai salah satu kajian dalam meneliti cerita rakyat dari pelbagai aspek.

Kajian Gregory (2019) membincangkan peranan *Tukang Sabak* dalam adat kematian. Bagi masyarakat Iban alam kematian disebut sebagai alam *Sebayan*. Alam ini adalah satu kepercayaan selepas kehidupan yang diceritakan secara turun temurun oleh generasi masyarakat Iban secara lisan yang banyak mempengaruhi cerita dongeng Iban. Dalam adat kematian, *Tukang Sabak* diupah untuk *Nyabak* (menangis). Tujuan adat ini dijalankan sebagai cara menceritakan secara terperinci perjalanan Si mati ke dunia *Sebayan* sebelum dikebumikan. Kajian ini telah menceritakan dari aspek adat dan budaya masyarakat Iban dalam adat kematian. Walau bagaimanapun, kajian menjelaskan bahawa adat ini semakin dilupai disebabkan oleh perubahan zaman tetapi cerita mengenai *Tukang Sabak* masih lagi relevan bagi sesetengah masyarakat Iban yang masih lagi ingin mendengar cerita lisan ini. Kajian ini hanya menyentuh tentang adat dan kepercayaan Iban. Namun begitu, cerita rakyat masyarakat Iban dapat ditunjukkan oleh pengkaji sebagai salah satu cerita rakyat di Malaysia.

Cerita rakyat masyarakat Iban turut dikaji oleh Doratya dan Chemaline (2020) dari aspek penghayatan dalam menggunakan teknik berlakon terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini memberi fokus tentang *ensera* (cerita rakyat Iban) yang disampaikan oleh guru dan pelajar dalam sesi pembelajaran di dalam kelas. Namun begitu, pengkaji hanya menjalankan temu bual dengan para guru sahaja bagi mendapat maklumat mengenai *ensera*. Kajian mendapati bahawa penghayatan *ensera* dapat memberi kesan kepada pelajar dari aspek ilmu pengetahuan, penikmatan, penghayatan dan meningkatkan minat terhadap *ensera* sebagai satu cerita rakyat dalam bidang pendidikan. Kajian ini hanya memberi tumpuan utama kepada teknik penghayatan terhadap *ensera* serta nilai pengajaran dan unsur seni bahasa. Namun begitu, kajian telah menunjukkan bahawa cerita rakyat Iban masih lagi relevan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga dapat dijadikan sebagai satu fokus pada kajian mendatang terhadap cerita rakyat masyarakat Iban dari sudut sintaksis supaya kajian seumpama ini dapat diperluaskan lagi.

Kajian Sunaryo (2021) terhadap struktur ekstrinsik cerita rakyat pasukan Rentap suku dayak Iban telah menunjukkan bahawa nilai kepahlawan adalah satu budaya yang perlu dicontohi oleh masyarakat. Kajian ini dijalankan di Desa Batu Lintang Kecamatan Embaloh Hulu Kabupaten Kapuas Hulu. Penduduk kampung yang mendiami kawasan tersebut ialah orang Dayak Iban yang mementingkan cerita rakyat sebagai salah satu cara dalam mendidik generasi muda. Cerita rakyat ini dikatakan dapat memberi kesedaran dalam diri dengan adanya

semangat kepahlawanan terutama kepada anak lelaki. Hal ini kerana menerusi cerita rakyat yang disampaikan pada ketika itu masyarakat Iban Rentap di bukit Sadok tidak dapat dikalahkan kerana pasukan ini telah dijaga oleh orang *Panggau Libau* (Pasukan dari Kayangan) yang menolong pasukan Rentap serta menolong seluruh suku dayak Iban yang tertindas. Jelaslah bahawa cerita rakyat Iban seperti ini dijadikan sebagai panduan dalam diri masyarakat Iban dan ini dapat memberi ruang terhadap kajian bahawa cerita rakyat Iban dapat dikaji dari pelbagai aspek selain daripada mengupas tentang nilai jati diri.

Seterusnya, kajian Erica, Salbia dan Dayang (2022) menjelaskan tentang pengimbuhan kata dalam bahasa Iban melalui teks cerita rakyat. Kajian ini memfokuskan tentang imbuhan awalan dan kata dasar serta proses pengimbuhan dalam kata kerja terbitan. Dalam kajian ini proses pembentukan kata kerja terbitan dilakukan menerusi suatu proses morfologi, iaitu pengimbuhan kata. Hasil dapatan yang ditunjukkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah proses penambahan dan penyengauan atau nasalisasi dapat dibentuk melalui kata kerja terbitan dalam bahasa Iban tanpa mempengaruhi makna asal kata dasar dalam bentuk kata baharu. Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan antara imbuhan awalan bahasa Iban dan bahasa Melayu kerana imbuhan awalan /en-/ yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Kajian telah menjelaskan tentang pengimbuhan dalam teks cerita rakyat dari aspek bidang morfologi namun dari aspek sintaksis tidak dinyatakan dalam kajian ini dan perlu diberi tumpuan dengan teliti terutama dari aspek susunan perkataan dalam binaan ayat agar bidang sintaksis bahasa Iban dapat berkembang seiring dengan bidang linguisitik yang lain.

Bagi masyarakat Iban, artifak turut dikategorikan dalam cerita lisan yang terdiri daripada cerita rakyat. Hal ini dapat ditunjukkan melalui kajian Gregory (2023) yang menjelaskan bahawa artifak tersebut dapat mencetuskan cerita-cerita lisan, adat istiadat dan pandangan masyarakat Iban terhadap dunia. Antara artifak-artifak yang sering dikaitkan dengan cerita rakyat ialah seramik, tembikar dan gong. Masyarakat Iban mempercayai bahawa artifak sedemikian mempunyai roh ekoror daripada unsur-unsur corak dan bentuk alam semulajadi yang digunakan. Lazimnya, corak-corak dan bentuk alam semulajadi yang digunakan pada artifak tersebut menunjukkan identiti dan legasi masyarakat Iban. Misalnya, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan motif yang sering digabungkan menjadi corak pada artifak tersebut. Dapatan yang ditunjukkan dalam kajian ini ialah perubahan dan kemunduran artifak dalam budaya masyarakat Iban atas pelbagai faktor dan tuntutan agama. Jelaslah bahawa kajian ini menekankan pentingnya menjaga adat dan kepercayaan masyarakat Iban yang perlu diwarisi secara turun temurun terutamanya dalam bidang penyelidikan agar tidak pupus ditelan zaman serta sentiasa dijadikan sebagai cerita lisan mahupun cerita rakyat kepada generasi akan datang.

KAJIAN ANALISIS PROGRAM MINIMALIS

Pengkaji-pengkaji lepas telah menggunakan Program Minimalis sebagai satu pendekatan dalam menganalisis kajian melalui kaedah bercerita. Antaranya kajian Fazal Mohamed dan Fatin Amirah (2020) terhadap binaan ayat dalam bahasa Jawa Ngoko. Berdasarkan kaedah bercerita dan temu bual yang dijalankan dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa bahasa Jawa Ngoko mempunyai binaan Subjek (S), Kata Kerja (K), dan Objek (O), iaitu bahasa berkepala awal. Hal ini menunjukkan bahawa kajian bahasa Jawa Ngoko mempunyai penemuan baharu kerana mempunyai kala menerusi pendekatan Program Minimalis.

Perbezaan yang dapat dilihat melalui kajian lepas ialah hasil data yang diperolehi tetapi menggunakan pendekatan kajian yang sama dalam menganalisis data kajian.

Kerangka Minimalis juga pernah dibincangkan oleh Maulana dan Fazal Mohamed (2020). Kajian ini tertumpu kepada ayat selapis dialek Perlis. Antara tujuan utama kajian ini dijalankan ialah mengenal pasti pola yang wujud dalam dialek negeri Perlis, membezakan ayat selapis dialek negeri Perlis dengan bahasa Melayu Baku, dan menganalisis konstituen subjek dan predikat. Objektif yang telah dicapai oleh para pengkaji dalam kajian ini melalui temu bual dan kaedah lapangan. Hasil dapatan yang berjaya ditunjukkan dalam kajian ialah dialek Perlis menggunakan subjek yang terdiri daripada unsur frasa nama. Meskipun kajian telah menyentuh tentang pola yang kerap hadir seperti FK + FN dan FKB + FK, namun kajian ini juga mendapati bahawa struktur bahasa yang mendasari dialek Perlis ialah urutan kata kerja-objek (KO). Kajian telah berjaya mencapai kesemua objektif berlandaskan analisis Kerangka Minimalis. Justeru itu, kajian terhadap susunan perkataan dalam binaan ayat melalui cerita rakyat masyarakat Iban akan dijalankan dengan berpandukan pendekatan yang sama.

Kajian Fazal Mohamed dan Siti Amanina (2021) pula membincangkan kata kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data kajian ialah kaedah temu bual. Temu bual dijalankan oleh pengkaji dengan rakaman telefon pintar berjenama *Iphone*. Kesemua informan menceritakan tentang sambutan hari raya, aktiviti sehari-hari, keadaan tempat tinggal dan pengalaman ketika mengalami bencana. Hasil dapatan yang diperolehi daripada data temu bual, mendapati bahawa kata kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut mempunyai kala. Data yang dituturkan oleh bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut boleh terdiri daripada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Dapatan kajian mendapati bahawa kedua bahasa ini mempunyai struktur asas, iaitu kerjaan-objek-subjek (KOS). Menerusi pendekatan kerangka Minimalis, kajian ini telah menjumpai tiga penemuan, iaitu kewujudan satu posisi novel, FObjek untuk memenuhi urutan KOS dalam bahasa ini, kata kerja dalam bahasa ini menduduki posisi cantuman kepala Kala dan wujudnya operator kosong (OP) untuk menandakan kewujudan subjek dalam semua ayat Bajau. Kajian lepas telah menunjukkan cara pengumpulan dan penganalisisan data melalui perbualan. Namun kajian ini lebih menjurus kepada cerita rakyat daripada masyarakat Iban yang perlu dikaji menggunakan Program Minimalis terutamanya dari aspek sintaksis.

Afshar dan Abbasi (2021) menggunakan Program Minimalis sebagai suatu pendekatan dalam kajian dengan memberi fokus utama kepada penjelasan ayat yang boleh diubah di bawah pengaruh proses sintaksis dan dapat mencipta susunan perkataan yang ditanda. Walaupun pembinaan daripada ayat dalam bahasa Kurdish adalah dalam bentuk (SOK), tetapi pada bahasa lisan, kedudukan struktur dapat mengganggu susunan struktur yang tidak bertanda dalam ayat. Dalam kajian ini proses yang ketara menggerakkan konstituen ayat bahasa diwajibkan atau pilihan. Hal ini memainkan peranan semantik dan kognitif. Proses ini berlaku dalam bahasa dan susunan perkataan Kurdish. Data kajian didapati dalam pembinaan struktur ayat Kurdish Ilami. Hasil kajian menunjukkan bahawa dialek Kurdish adalah fleksibel dalam menghadapi perubahan struktur. Penemuan dalam kajian ini juga telah menunjukkan pergerakan susunan perkataan SOK wujud dalam binaan ayat bahasa Kurdish.

Kajian yang dijalankan oleh Announi (2021) telah meneliti susunan perkataan dan pergerakan lisan dalam bahasa Arab Maghribi menggunakan kerangka Minimalis. Kajian ini memperlihatkan bahawa susunan perkataan yang tidak bertanda dalam MA ialah SKO manakala struktur terbitan ialah KSO. SKO mengikuti terbitan seperti bahasa Inggeris, subjek bergerak dari [Spec, vP] ke [Spec, TP] manakala kata kerja bergerak dari v ke T. Kajian ini juga telah membangkitkan isu pergerakan lisan apabila menyentuh susunan KSO dalam bahasa yang mempunyai KSO sebagai susunan terbitan dan SKO sebagai susunan asas. Bagi mendapatkan KSO, kajian ini mencadangkan bahawa kata kerja bergerak dari T ke Fokus

berdasarkan sebab pragmatik: kata kerja yang diletakkan di pinggir kiri menandakan maklumat baharu yang difokuskan berbanding dengan SKO. Kajian ini juga telah mendalami susunan perkataan menggunakan kerangka Minimalis terhadap susunan OSK dan OKS. Hasil yang telah ditunjukkan oleh pengkaji dalam kajiannya ialah hasil objek berada dalam [Spec, TopicP] yang mendominasi FocusP. Kajian ini membuktikan bahawa kerangka Minimalis mampu menyelesaikan pelbagai isu bahasa secara terperinci dan sistematik.

Kajian terhadap perbandingan antara bahasa Punjabi dan bahasa Inggeris telah dinyatakan oleh Khan et al. (2023) dalam kajian. Kajian terhadap perbandingan antara bahasa Punjabi dan bahasa Inggeris menunjukkan bahawa kedua bahasa ini mempunyai perbezaan dari segi susunan perkataan, iaitu SOK dan SKO. Kajian ini juga menyatakan di bawah rubrik Linear Correspondence Axiom (LCA), iaitu bahasa mungkin mempunyai susunan asas yang sama seperti SKO walaupun terdapat pelbagai lagi variasi. Berdasarkan latar belakang Tatabahasa Sejagat, iaitu mengandaikan prinsip universal yang mendasari variasi jelas bahasa: Prinsip dan Parameter), kajian ini telah menggunakan rangka kerja Minimalis Chomsky. LCA diandaikan berlaku sekurang-kurangnya dalam kesimpulan empirikalnya. Kajian ini menyimpulkan bahawa Punjabi juga mendasari susunan SKO di pangkalan. Variasinya daripada bahasa SKO seperti bahasa Inggeris disebabkan oleh pergerakan objek ke kedudukan 'specifier'-I atau kedudukan Spec Agro, dan pergerakan kata kerja kompleks bantu ke kedudukan I. Tambahan pula, bahasa SOK juga mempamerkan struktur tatabahasa dengan susunan perkataan SKO untuk mengukuhkan garis penaakulan bahawa susunan kata asas untuk bahasa tersebut ialah SKO. Kajian ini turut memberi cadangan bahawa kajian yang lebih meluas tentang operasi pergerakan dan kemungkinan susunan perkataan yang fleksibel dalam bahasa boleh membantu kajian masa depan dalam mencapai kesimpulan yang betul berkenaan dengan susunan perkataan.

13

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kualitatif merujuk kepada kajian yang tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik (Creswell 2018). Tujuan penyelidikan kualitatif adalah untuk mengkaji dan proses yang berlaku dalam sesuatu fenomena agar memperoleh maklumat yang relevan dan kajian mampu dicapai. Kajian kualitatif biasanya berkait rapat dengan kerja lapangan (Othman 2021). Kajian lapangan merupakan satu proses pengumpulan data yang perlu dijalankan bagi mendapatkan data di kawasan yang dikaji. Oleh itu reka bentuk kualitatif dipilih oleh pengkaji bagi melengkapi tujuan utama kajian yang akan dijalankan dengan menggunakan pelbagai kaedah.


Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Hal ini demikian kerana, bagi Creswell (2014) penyelidik-penyelidik kualitatif bukan sahaja bergantung pada satu kaedah untuk mendapatkan sumber data tetapi pelbagai bentuk data boleh dikumpul seperti temu bual, pemerhatian, dokumen dan maklumat audio visual. Tujuan kajian kepustakaan digunakan untuk membuat penentuan sama ada kajian lepas yang pernah dilakukan oleh para pengkaji lain mempunyai hubungan yang sama dengan kajian yang ingin dijalankan. Tanpa membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji tidak dapat mengenalpasti kelompangan yang ada dalam bidang kajian yang ingin dilaksanakan. Hasil rujukan yang berkaitan mahupun rujukan yang hampir sama dapat digunakan untuk menghurai konsep dan menjelaskan sesuatu maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

Seterusnya, kawasan yang dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian lapangan ialah bahagian Sri Aman, Sarawak dengan memilih penutur natif Iban sebagai informan. Kajian lapangan ini menggunakan kaedah temu bual dan rakaman. Bagi menjalankan rakaman lebih

berkesan, pengkaji menggunakan perakam suara digital agar suara informan dapat didengar dengan lebih jelas. Setiap perbualan yang dirakam akan didengar semula bagi proses transkripsi menggunakan bahasa Melayu Standard serta mengeluarkan susunan perkataan dalam binaan ayat berdasarkan cerita rakyat masyarakat Iban yang disampaikan oleh setiap informan melalui proses analisis data kajian secara sintaksis. Kajian ini menggunakan Program Minimalis yang telah diperkenalkan oleh Chomsky pada tahun 1995. Analisis Program Minimalis akan melihat kepada susunan perkataan dalam binaan ayat yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Iban. Program Minimalis ialah suatu program yang menerangkan cara leksikal terbentuk dalam leksikon, cara leksikal dipilih, digabung dan pergerakan yang mempunyai prinsip ekonomi dan diaplikasikan bagi menunjukkan hasil derivasi yang dapat diinterpretasikan oleh antara muka bentuk fonetik (BF) dan bentuk logikal (BL).

PROGRAM MINIMALIS

Program Minimalis merupakan kerangka teori terkini dalam kajian sintaksis. Menurut Fazal Mohamed dan Syafika Atika (2021), pelbagai masalah bahasa dapat diselesaikan melalui program ini. Dalam penelitian Chomsky terhadap teori sintaksis, kebanyakan teori telah disangkal dan dianggap sebagai teori yang mempunyai kekurangan dari pelbagai aspek oleh Chomsky (1995). Menurut Chomsky (1997), Program Minimalis ialah satu model Tata Bahasa Sejagat. Program Minimalis diandaikan telah dimiliki sejak lahiriah oleh manusia dalam fakulti bahasanya. Fakulti ini terdiri daripada leksikon, seterusnya diikuti oleh numerasi, cetusan serta bentuk logik (Bentuk-L) dan bentuk fonologi (bentuk-F). Kedua bentuk ini terletak pada satu bahagian yang sama disebut sebagai tahap antarmuka. Dalam Program Minimalis, sintaksis nyata menunjukkan kedudukan antara leksikon dan numerasi manakala sintaksis terselindung menunjukkan kedudukan antara cetusan, bentuk logik dan bentuk fonologi. Berikut merupakan susunan aras ini yang boleh dilihat:



Rajah 1: Kerangka Asas Program Minimalis

Berdasarkan rajah 1, dalam kerangka asas Program Minimalis, kedudukan leksikon berada pada aras paling atas kerana merupakan kamus minda bagi seseorang penutur. Leksikon ialah satu andaian yang bersifat sejagat. Hal ini demikian kerana kamus minda manusia mempunyai himpunan elemen yang dikenali sebagai kata. Kata atau dikenali sebagai butir leksikal ini berada dalam susunan tidak tertib dan mempunyai perbezaan dengan kamus yang disusun mengikut urutan abjad. Fungsi leksikon adalah menyediakan input berupa item leksikal yang dimasukkan dalam daftar leksikal dan item leksikal dan akan dipilih bagi proses derivasi ayat. Terdapat dua kategori item leksikal, iaitu kategori leksikal dan kategori fungsian. Kategori leksikal merupakan leksikal yang mempunyai makna lengkap seperti kata nama, kata adjektif

dan kata kerja. Bagi kategori fungsian merujuk kepada leksikal yang mempunyai fungsi tatabahasa, iaitu kata penguat, kata determiner, kuantifier, kata kerja bantu dan sebagainya. Setiap item leksikal mempunyai tiga jenis fitur. Antaranya fitur sintaksis, fitur semantik dan fitur fonetik yang boleh dibahagikan kepada fitur berinterpretasi dan fitur tak berinterpretasi dan kedua fitur ini mempunyai perbezaan. Perbezaan antara fitur berinterpretasi dengan fitur tak berinterpretasi ialah fitur berinterpretasi tidak dapat dipadamkan semasa numerasi disebabkan oleh keperluan untuk interpretasi di tahap antaramuka manakala bagi fitur tak berinterpretasi pula wajib disemak dan dipadam semasa derivasi sebelum derivasi itu memasuki tahap antaramuka bentuk logik. Pada aras numerasi, proses pencantuman banyak dilakukan kerana numerasi merupakan sistem yang berinteraksi antara leksikon dan tahap antaramuka B-L dan B-F. Menurut Chomsky (2001), dalam numerasi cantuman terbahagi kepada dua, iaitu operasi cantuman luaran yang melibatkan dua objek sintaksis yang berikar diambil daripada daftar leksikal dan cantuman dalaman yang melibatkan salah satu objek sintaksis dalam satu unit frasa dengan satu unit frasa yang lain. Seterusnya, semua cantuman ini amat mementingkan penyemakan fitur tak berinterpretasi sebelum cetusan. Fitur berinterpretasi sahaja layak wujud sehingga Bentuk Logik. Hal ini demikian kerana Bentuk Logik hanya memahami fitur yang berinterpretasi. Jika fitur tak berinterpretasi tidak disemak sebelum Cetusan maka ayat ini dikatakan telah Gagal pada aras Bentuk Logik dan perlu ditandakan sebagai tidak gramatis. Dengan ini, jelaslah bahawa PM akan digunakan sebagai kerangka dalam menganalisis susunan perkataan dalam binaan ayat berdasarkan cerita rakyat masyarakat Iban bagi menunjukkan ayat yang gramatis.

ANALISIS KAJIAN

Jenis susunan perkataan dalam binaan ayat berdasarkan pola cerita rakyat masyarakat Iban.

Data yang dibincangkan merupakan hasil temu bual terhadap kajian yang telah dijalankan dengan informan menerusi perbualan dengan bercerita di Kawasan kampung bahagian Sri Aman, Sarawak. Analisis secara deskriptif akan menghuraikan struktur susunan perkataan dalam binaan ayat cerita rakyat. Pengkaji akan mengenal pasti jenis susunan perkataan yang wujud daripada hasil temu bual yang telah dijalankan bagi mencapai objektif yang pertama. Seterusnya, untuk mencapai objektif yang kedua pengkaji menganalisis struktur binaan ayat cerita rakyat masyarakat Iban dengan berpandukan Program Minimalis.

Kajian mendapati bahawa kajian lepas tidak menghasilkan susunan perkataan dalam binaan ayat cerita rakyat masyarakat Iban. Namun demikian Steinmayer (1999) pernah menyatakan bahawa susunan perkataan dalam bahasa Iban ialah SKO, KSO, OSK dan susunan lain. Hal ini bermaksud susunan perkataan dalam bahasa Iban bukan sahaja boleh terbentuk daripada SKO seperti susunan perkataan dalam bahasa Melayu meskipun bahasa ini dikatakan serumpun. Antara dapatan yang boleh dikenalpasti dalam susunan perkataan melalui temu bual yang dilakukan pada binaan ayat dalam cerita rakyat:

JADUAL 1: Susunan Perkataan dalam binaan ayat

BIL.	Senarai binaan ayat	Jenis-jenis susunan perkataan berdasarkan pola ayat
1	Bahasa Iban :Asun munuh diri serumah Glos :Asun bunuh orang kampung Terjemahan :Asun membunuh orang kampung	SKO
2	Bahasa Iban :pengaruh Asun ngempa iya empu Glos :sihir Asun kena sendiri Terjemahan :Asun kena sihirnya sendiri	OSK
3	Bahasa Iban :nganu dek iya kemari	

Glos	:marah kamu dia semalam	KOS
Terjemahan	:Dia marah awak semalam	

Dalam bahasa Iban, pengkaji dapat mengenal pasti susunan perkataan dalam binaan ayat bahasa Iban. Antara susunan yang digunakan dalam cerita rakyat ini daripada hasil temu bual ialah SKO, OSK dan KOS. Menurut Baughman (1963) struktur dan corak dalam bahasa Iban adalah mantap kerana perkataan boleh berubah mengikut gaya yang dituturkan oleh orang Iban. Pendapat ini juga turut disokong oleh Otambetova dan Tlewmuratov (2023) yang menyatakan bahawa lebih 85% bahasa biasanya meletakkan subjek terlebih dahulu, sama ada dalam urutan SKO atau urutan SOK tetapi terdapat juga urutan lain yang mungkin berlaku dalam ayat misalnya KSO, KOS, OKS, dan OSK. Urutan ini jarang berlaku namun wujud dalam sesetengah bahasa misalnya bahasa Iban. Hal ini memerlukan dengan lebih terperinci dan sistematik lagi bagi menentukan susunan perkataan dalam binaan ayat berdasarkan cerita rakyat masyarakat Iban melalui analisis Program Minimalis.

ANALISIS STRUKTUR BINAAN AYAT BERLANDASKAN PROGRAM MINIMALIS


SUSUNAN BINAAN AYAT DALAM BAHASA IBAN

Subjek + Predikat

Contoh: subjek + kata kerja + objek

<i>Asun</i>	<i>munuh</i>	<i>diri</i>	<i>serumah</i>
Asun	bunuh	orang	kampung
'Asun	membunuh	orang	kampung.'

Ayat di atas menunjukkan satu ayat gramatis yang mengandungi KK mono transitif. KN *Asun* merupakan subjek yang berperanan sebagai agen di dalam ayat. KK *munuh* merupakan KK mono transitif yang memerlukan objek yang mengikutinya sebagai pelengkap ayat iaitu KN *diri serumah*. Jika objeknya tiada, ayat tersebut tidak menjadi gramatis. Jika KN *diri serumah* yang diikuti oleh KK mono transitif di atas digugurkan menyebabkan ayat tersebut tergantung dan tidak gramatis. Berikut merupakan pembentukan struktur ayat minimal susunan SKO disemak seperti dalam rajah 1.



Rajah 1. Pembentukan Struktur Ayat Minimal (SKO) Bahasa Iban

Berdasarkan contoh ayat di atas, terdapat beberapa langkah yang diproses dalam ayat bahasa Iban ini. Langkah pertama, K adalah kepala nodus kepada KK *munuh* yang mempunyai fitur kata kerja K. Fitur ini juga disebut sebagai fitur pemilihan-k kecil. Pemilihan-k kecil memilih satu leksikal yang perlu berada di sebelahnya. Namun fitur bagi *diri serumah* tidak boleh lagi berada disebelah *munuh* kerana *diri serumah* belum menampakkan fiturnya lagi. Fitur *diri serumah* pula membawa fitur [N]. Fitur ini tidak berinterpretasi dan perlu disemak. *Diri serumah* dalam ayat tersebut terdiri daripada dua leksikal yang membentuk frasa nama. Frasa nama ini terbentuk melalui proses gabung yang telah berlaku antara *diri* dan *serumah*. Dalam minimalis, FN disebut sebagai Frasa Determiner (FD). Dengan itu, *diri serumah* adalah FD dan dikategori sebagai [N]. Dalam proses ini gabungan antara kepala K dengan unjuran FD membentuk *munuh diri serumah*. Nodus K memerlukan satu elemen yang membawa fitur [N]. Fitur tak berinterpretasi ini boleh disemak dan dihapuskan kerana keperluan telah dipenuhi. *Munuh* hanya ada fitur kategori K. Unjuran antara proses *munuh diri serumah* membentuk unjuran FK. Operasi gabung pada aras ini, menunjukkan fitur penerimaan teta tetapi kosong kerana *munuh* belum menerima. Selepas operasi FK, K *munuh* telahpun mengagih teta serentak kepada FD *diri serumah* dan ditandakan [ø: TEMA]. Fitur teta tak berinterpretasi perlu dihapuskan [ø: TEMA]. Posisi komplemen dalam ayat ini ditunjukkan secara semulajadi telahpun membawa fitur kasus juga bersamanya, tetapi fitur kasus belum disemak dan dihapuskan akan disemak pada unjuran selanjutnya. Pada peringkat FK *munuh diri serumah* telah berjaya disemak dan dihapuskan.

Langkah kedua, gabungan kepala K dengan kepala k (kecil). Dalam ayat ini *munuh* tidak mempunyai imbuhan dan ditanda dengan Ø di bawah k (kecil). Dalam rajah 1 telah berlaku pergerakan kepala nodus K dan bercantum kepada kepala nodus k (kecil). Pada k (kecil) tidak terdapat afiks dan ditandakan Ø kerana tidak berlaku pergerakan. K pula berlaku pergerakan kerana nodus di K dibawah FD bergerak naik ke nodus K dibawah unjuran tanda. Pergerakan ini berlaku bagi menunjukkan tetanya. Meskipun teta telah ditandakan pada objek namun teta bagi subjek belum lagi ditanda dan disemak pada peringkat ini. Terdapat tiga fitur dalam kepala k (kecil), iaitu pertama kasus akusatif [Aku], fitur kedua EPP [uN]* dan ketiga


fitur [uKala:]. Apabila *munuh* bergerak ke K, secara tidak langsung membolehkan kasus akusatif pada k (kecil) dapat memberikan kasusnya yang sepadan pada FD *diri serumah*. Fitur yang berada di atas k (kecil) menyemak fitur yang berada di bawah yang sepadan dan boleh dihapuskan [u: Akusatif]. FD *diri serumah* telah selesai ditandakan peranan teta TEMA dan telah mendapat kasus akusatif.

Pada langkah ketiga Fk (kecil) KALA perlu disemak untuk menentukan sama ada ayat ini mempunyai kala lepas atau kala kini. k (kecil) bergabung dengan satu FD subjek bagi membentuk subjek frasa. Fitur [uN]* belum disemak dan perlu dibawa naik ke k' (kecil tanda) supaya [uN]* dapat dihapuskan. Bagi membentuk subjek, leksikon *Asun* dimasukkan dalam rajah pohon. *Asun* telah mendapat fitur [N] dan fitur [uN]* dapat dihapuskan menjadi [uN]* bagi membolehkan satu elemen subjek dalam rajah pohon. Unjuran KALA di atas membawa fiturnya. Bahasa ini tidak mempunyai kala yang jelas kerana binaan ayat berbentuk abstrak. Tanggapan ini ditunjuk dalam rajah 1. Secara default, *asun* dianggap sebagai kala lepas. Langkah keempat, fitur yang dibawa oleh KALA ialah fitur kasus Nominatif [NOM] dan fitur [uN]*. Fitur [uN]* pada KALA dibawa semula kerana bagi membolehkan ayat di bahagian FKALA mempunyai subjek. Fk (kecil) bergabung dengan kepala KALA bagi membentuk unjuran KALA' (KALA' tanda) yang membawa fitur [uN]*. Fitur pada KALA' perlu disemak dan dihapuskan. Penggunaan perintah-k digunakan bagi proses penilaian kala lepas. Perintah-k merupakan perintah yang lebih atas memerintah yang lebih bawah dan mengagihkan fitur yang sama kerana KALA dalam ayat ini mempunyai fitur kala lepas. Secara perintah-k proses ini mengagihkan fitur lepas yang sama kepada elemen yang berada di bawah. Fitur [uN]* yang berada di bawah digerakkan ke posisi KALA' tanda. KALA' tanda mempunyai fitur kasus Nominatif yang belum diagihkan kerana tiada elemen subjek pada peringkat FKALA. Fitur [uN]* perlu bergabung dengan satu lagi elemen yang bawa fitur *Asun* [N] kerana *asun* merupakan prinsip yang paling dekat dan tidak ditandai oleh kasus akusatif dan layak berada di atas. Operasi gabung antara KALA' tanda dengan *Asun* dapat membentuk FKALA. Meskipun FKALA terhasil, namun kasus nominatif masih berada pada nodus KALA. Bagi kasus Nominatif, pergerakannya di hantar ke bahagian FKALA dan nominatif yang berada di bawah KALA dihapuskan. Secara tidak langsung *Asun* diberi kasus nominatif dan berperanan sebagai teta agen, manakala *diri serumah* diberi kasus akusatif serta berperanan sebagai teta tema. Oleh itu, rajah pohon di atas telah menunjukkan pembentukan struktur ayat minimal SKO yang menghasilkan ayat yang gramatis tanpa adanya masalah kerana struktur ini berada pada BF dan BL.

Contoh: Objek + Subek + Kata kerja

<i>pengaruh</i>	<i>Asun</i>	<i>ngempa</i>	<i>iya empu</i>
sihir	Asun	kena	sendiri
'Asun	kena	sihirnya	sendiri.'

Susunan perkataan OSK dalam binaan ayat di atas masih belum jelas lagi dari aspek struktur binaan ayat. Kedudukan objek dalam ayat ini, iaitu *pengaruh* berada di hadapan ayat manakala diikuti oleh subjek KN *Asun* sebagai subjek dan *ngempa* sebagai KK transitif. Meskipun objek berada di bahagian hadapan namun ayat ini masih lagi gramatis dan boleh diterima dalam bahasa Iban. Binaan ayat OSK di atas memerlukan satu pembentukan struktur ayat dalam rajah pohon yang boleh menampakkan pembinaannya secara jelas dan terperinci.



Rajah 2. Pembentukan struktur ayat OSK Bahasa Iban


Berdasarkan rajah 2 di atas, binaan ayat OSK menunjukkan bahasa ini mempunyai ayat yang tidak jelas kerana kedudukan objek berada di depan ayat. Proses dalam rajah pohon akan menyemak keseluruhan binaan ayat OSK ini. Kedudukan *empu* berada di kedudukan K kerana merupakan kata kerja dan membawa fitur [K] dan fitur pemilihan-k ialah [uN]. Hal ini menunjukkan bahawa terjadinya penggabungan antara *empu* dan *pengaruh* yang membawa fitur [N] menyebabkan fitur [uN] dapat disemak dan dihapuskan pada *empu*. Gabungan antara K dengan *pengaruh* dapat membentuk FK. K *empu* membawa fitur [ø: TEMA] dan dibawah *pengaruh* mempunyai fitur [ø:] yang belum ditanda. Apabila *pengaruh* bergabung dengan *empu*, *pengaruh* akan menerima peranan [uø: TEMA] yang diberi oleh K. Proses unjuran FK telah diselesaikan kerana *empu* telah memberi teta kepada komplementenya. Seterusnya, bagi memberi teta kepada subjek, pergerakan berlaku daripada Fk (kecil) kepada unjuran cantuman k (kecil). *empu* akan bergerak dan naik ke cantuman k (kecil) dan K. Melalui cantuman ini, k' (kecil tanda) dapat dibina pada unjuran. Terdapat imbuhan ng- pada Kepala nodus k (kecil) yang membawa fitur [Aku], [uN]* dan [uKala:]. Terdapat fitur akusatif pada nodus k (kecil) dan perlu ditanda kepada objek, iaitu *pengaruh*. Dengan ini FD *pengaruh* menerima kasus akusatif yang dijana dasar daripada nodus k (kecil). Penyerapan kasus berlaku pada KK pasif yang menyerap kasus akusatif pada posisi komplemen. Hal ini bermakna *empu* menyerap kepada FD *pengaruh* sehingga FD *pengaruh* tidak lagi mempunyai kasus akusatif. Pada posisi ini, FD *pengaruh* dapat disemak dan dihapuskan kerana telah diserap. Bagi membentuk unjuran baru, iaitu k' (kecil tanda), k (kecil) bercantum dengan FD *iya empu* yang berada di sebelah kanan. Kedudukan FD *iya empu* berada di cantuman kanan kerana ayat ini terletak di bahagian akhir ayat. FD *Iya empu* membawa fitur [N]. Fitur [uN]* yang berada pada nodus k (kecil) diperkolatkan ke unjuran k' (kecil tanda). Setelah diperkolatkan fitur [uN]* ke atas, fitur ini telah berpindah kedudukannya dan perlu dipadam dan tidak lagi ditulis dibawah k (kecil) dalam rajah pohon. k' (kecil tanda) telah mendapat fitur [uN]* dan perlu bergabung dengan elemen yang membawa fitur [N] yang sepadan, iaitu leksikal *Asun* yang berperanan sebagai teta agen. Penggabungan ini dilakukan bagi tujuan fitur [uN]* dapat disemak dan dihapuskan. Setelah bergabung dengan fitur [N] *Asun*, fitur [uN]* pada nodus k' (kecil tanda)

dihapuskan. Unjuran baru dibentuk menjadi unjuran Fk (kecil). Penyemakan seterusnya pada k (kecil), iaitu penyemakan [uKala:]. Penyemakan ini dilakukan dengan membina nodus baru, iaitu nodus KALA' (tanda). Nodus KALA' (tanda) membawa fitur [kala: lepas], fitur [NOM] dan fitur [uN]*. Dalam rajah pohon 2, ayat ini mendapati [kala: lepas] melalui perintah k dan [uKala:] dapat dihapuskan. Fitur [uN]* diperkolatkan pada unjuran KALA' (tanda). Seterusnya bagi menyemak dan menghapuskan fitur [uN]* pada KALA' (tanda), unjuran ini bergabung dengan fitur [N], iaitu *pengaruh*. Penggabungan KALA dengan *pengaruh* berlaku untuk mendapatkan kasus nominatif daripada nodus kala. Pergerakan ini ditunjukkan pada unjuran FKALA. Unjuran ini memperlihatkan bahawa *pengaruh* membawa fitur [N] dan membenarkan fitur [uN]* pada KALA' (tanda) dapat disemak dan dipadamkan. Secara tidak langsung, ayat ini merupakan ayat pasif disebabkan oleh penyerapan kata kerja yang berlaku dalam rajah pohon. Perbezaan yang telah ditunjukkan oleh rajah pohon 2 di atas hanya dapat dilihat pada penandaan kasus sahaja kerana ayat ini telah hilang kasus akusatif disebabkan oleh penyerapan daripada kata kerja pasif.

Contoh: Kata kerja + Objek + Subjek

nganu dek iya kemari
 marah kamu dia semalam
 'Dia marah kamu semalam.'

Ayat di atas merujuk kepada susunan perkataan KOS dalam binaan ayat bahasa Iban. Binaan ayat ini membenarkan kata kerja tak transitif, iaitu *nganu* berada di hadapan ayat dan masih membawa makna gramatis dalam bahasa Iban. Objek *dek* dalam binaan ayat ini berperanan sebagai penderita kerana subjek *iya* yang melakukan perbuatan tersebut yang berperanan sebagai agen. Susunan ini memerlukan satu pembentukan struktur binaan ayat yang dapat dikenalpasti dan dilihat dengan lebih mendalam.



Rajah 3. Pembentukan struktur ayat KOS bahasa Iban

2

Berdasarkan contoh ayat rajah pohon 3 di atas, jelas menunjukkan bahawa ayat bagi KK tak transitif *nganu* mengandungi objek dan subjek. Ayat ini merupakan ayat gramatis meskipun susunannya ialah KOS. Pembinaan struktur ayat KOS akan disemak. Dalam rajah pohon 3 di atas, *K anu* membawa fitur [K] dan membawa fitur [uN]. Apabila *K anu* telah bergabung dengan FD *dek* yang akan menerima [N] serta membolehkan fitur {uN}-di K dapat disemak dan dihapuskan. *K anu* turut membawa fitur [ø: TEMA]. Pada masa yang sama, *anu* dan *dek* telah bergabung membolehkan *dek* menerima {uø: TEMA}. Seterusnya, proses unjuran cantuman *kemari* diletakkan di bahagian kanan kerana kedudukannya berada di akhir ayat. Proses ini membolehkan unjuran baru yang berada di atasnya, iaitu FK. FK akan bergabung dengan nodus k (kecil) terlebih dahulu seterusnya akan membentuk k' (kecil tanda). k' (kecil tanda) dipecahkan kepada dua nodus, iaitu nodus k (kecil) yang bergabung dengan K. Dalam rajah pohon 3 di atas, terdapat satu imbuhan yang berada di unjuran k (kecil), iaitu imbuhan ng-. Imbuhan ini terhasil daripada leksikal *anu*. Fitur yang dibawa oleh imbuhan ng- ialah fitur [Aku], fitur [uN]* dan fitur [uKala:] yang belum disemak lagi. Pergerakan *anu* bergabung dengan prefiks dan *anu* diletakkan di bawah K sekaligus proses ini telah memberi [Aku] kepada *dek* dan *dek* mendapat kasus [Aku]. Fitur [uN]* diperkolatkan ke k' (kecil tanda) dan fitur ini dipadamkan pada rajah pohon 3 di atas kerana telah bergerak ke tempat yang baru. Setelah [uN]* diperkolatkan ke bahagian atas, penggabungan elemen yang membawa [N] perlu diisi bagi membolehkan fitur ini disemak dan dihapuskan. Elemen [N] yang sesuai dalam ayat di atas ialah *iya*. Selepas *iya* menerima fitur [N], maka fitur {uN}* dapat disemak dan dihapuskan. Dengan itu, proses ini dapat membentuk unjuran Fk (kecil). Dalam proses unjuran ini, gabungan Fk (kecil) antara KALA membentuk unjuran KALA' (tanda). Hal ini berlaku bagi menyemak [uKala:]. Di bawah KALA, fitur yang dibawanya adalah fitur [kala: lepas] kerana ayat ini telah menampakkan perbuatan yang telah berlaku. Proses ini membolehkan bahagian bawah rajah pohon, iaitu di bahagian k (kecil), dapat menyemak dan memadamkan [uKala:] dengan meletakkannya sebagai kala lepas. Seterusnya, KALA telah memberi fitur [NOM] dan fitur [uN]*. Sekali lagi fitur [uN]* pada KALA diperkolatkan ke KALA' (tanda) dan membolehkan fitur ini dipadam pada rajah pohon 3. Dalam rajah pohon 3, kata kerja tidak dapat diletakkan di bahagian atas sebagai subjek kerana kedudukan kata kerja dalam rajah pohon berada di kedudukan bawah. Hal ini telah menunjukkan struktur dasar dalam rajah pohon 3 kerana *iya* akan bergabung dengan KALA' (tanda). Unjuran FKALA dibentuk. Pada unjuran FKALA terdapat dua cabang yang disebut sebagai cabang spesifik (kiri) dan cabang komplemen (kanan). Posisi spesifik FKALA hanya diduduki oleh subjek ayat yang bawa fitur [N]. Oleh itu, *iya* dijadikan sebagai elemen subjek yang bergabung dengan k'(kecil) dan dipanggil sebagai kedudukan spesifik posisi Fk (kecil). Posisi *iya* akan ditarik naik ke spesifik. FD *iya* telah mendapat fitur [N] dan membolehkan fitur {uN}* pada KALA' (tanda) dapat disemak dan dihapuskan. Fitur [NOM] pada *iya* pula diberi oleh nodus KALA. Binaan ayat *nganu dek iya kemari* (KOS) dapat dijelaskan secara deskriptif sahaja kerana tidak dapat ditunjukkan dalam rajah pohon. Rajah pohon hanya menunjukkan struktur dasar dalam ayat ini. Hal ini demikian kerana binaan ayat KOS dalam ayat ini merupakan struktur terbitan. Kajian ini mendapati bahawa binaan ayat KOS telah menunjukkan penemuan novelti kerana bahasa Iban boleh memposisikan kata kerja pada struktur terbitan yang membenarkan penutur-penutur natif Iban bertutur dengan meletakkan kata kerja di hadapan ayat. Hal ini telah menunjukkan perbezaan dengan bahasa Melayu. Meskipun struktur dalam rajah pohon bahasa Iban dan bahasa Melayu dilihat sama dari segi strukturnya tetapi terdapat perbezaan yang dilihat dari aspek struktur terbitan. Dengan itu, kajian ini telah mendapat penemuan baharu dalam binaan ayat KOS bahasa Iban.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data dari deskriptif seterusnya kepada analisis sintaksis, pengkaji telah menyenaraikan susunan perkataan dalam binaan ayat bahasa Iban. Analisis telah menunjukkan sesuatu yang unik dalam bahasa Iban kerana bahasa ini mempunyai Kala Lepas pada setiap susunan dalam binaan ayat. Seterusnya, hasil huraian secara teoritikal juga memperlihatkan bahawa struktur binaan ayat dalam bahasa Iban adalah berbeza dengan bahasa Melayu standard meskipun kedua bahasa ini dikatakan serumpun. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Iban mempunyai susunan SKO, OSK dan KOS. Penemuan baru juga ditunjukkan dalam bahasa ini, iaitu penyerapan ayat pasif yang boleh menghilangkan peranan akusatif pada objek. Susunan KOS pula telah membuktikan bahawa bahasa Iban membenarkan kata kerja berada di bahagian hadapan ayat dan menunjukkan bahasa ini mempunyai novelti. Keseluruhan analisis kajian ini mendapati bahawa pola ayat bahasa Iban mempunyai satu pola sahaja, iaitu FN + FK. Buktinya, dapat dilihat pada ketiga-tiga rajah pohon yang mempunyai pola FD pada spesifier FKALA dan Fk kecil. Perbezaan yang dapat dilihat dalam kajian ini hanya pada struktur dasar dan struktur terbitan. Hal ini merupakan satu penemuan yang baharu dalam bahasa Austronesia. Oleh itu, kajian bahasa Iban dari aspek sintaksis haruslah dikaji dengan lebih mendalam dan diberikan tumpuan yang teliti supaya bidang sintaksis bahasa Iban dapat berkembang seiring dengan bidang linguistik yang lain selain diterapkan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran serta dapat menyumbang kepada dokumentasi perpustakaan terhadap ilmu sintaksis bahasa Iban.

Susunan Perkataan Berdasarkan Cerita Rakyat Masyarakat Iban: Analisis Program Minimalis

ORIGINALITY REPORT

13%

SIMILARITY INDEX

13%

INTERNET SOURCES

0%

PUBLICATIONS

1%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	journalarticle.ukm.my Internet Source	5%
2	jurnal.dbp.my Internet Source	2%
3	jurnal.plm.org.my Internet Source	1%
4	repository.persadakhatulistiwa.ac.id Internet Source	1%
5	irep.iium.edu.my Internet Source	1%
6	ejournal.upsi.edu.my Internet Source	1%
7	newlindaamy93.wordpress.com Internet Source	1%
8	spaj.ukm.my Internet Source	<1%
9	ir.unimas.my Internet Source	<1%

10	pdfs.semanticscholar.org Internet Source	<1 %
11	Submitted to Universiti Teknologi MARA Student Paper	<1 %
12	attahkimjournal.com Internet Source	<1 %
13	fliphtml5.com Internet Source	<1 %
14	rallang.wordpress.com Internet Source	<1 %
15	repositorio.ug.edu.ec Internet Source	<1 %
16	Submitted to Institute of Graduate Studies, UiTM Student Paper	<1 %
17	jurnal.umrah.ac.id Internet Source	<1 %
18	www.researchgate.net Internet Source	<1 %
19	www.gfpn-au.com Internet Source	<1 %
20	www.scribd.com Internet Source	<1 %

Exclude quotes Off

Exclude matches Off

Exclude bibliography Off

Susunan Perkataan Berdasarkan Cerita Rakyat Masyarakat Iban: Analisis Program Minimalis

PAGE 1

PAGE 2

PAGE 3

PAGE 4

PAGE 5

PAGE 6

PAGE 7

PAGE 8

PAGE 9

PAGE 10

PAGE 11

PAGE 12

PAGE 13

PAGE 14

PAGE 15
